



24 FEB, 2021

Teladan Setia jangka IPO jana RM77.3 juta

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Teladan Setia jangka IPO jana RM77.3 juta

**Tawaran
161.1 juta saham
bantu perkukuh
kedudukan dalam
industri hartanah**

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Teladan Setia Group Bhd (Teladan Setia), pemaju harta tanah yang akan disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Malaysia) pada 16 Mac ini menyaraskan untuk meraih dana RM77.3 juta daripada tawaran awam permu laan (IPO).

Jumlah berkenaan bakal dijana menerusi tawaran 161.1 juta saham dengan harga IPO pada 48 sen sesahan.

Pengarah Urusan Teladan Setia, Richard Teo Lay Ban, berkata daripada jumlah berkenaan, syarikat akan memperuntukkan RM35 juta atau 45.3 peratus bagi pembelian tanah di Melaka.

Beliau berkata, RM33.1 juta (42.8 peratus) lagi diperuntukkan untuk modal kerja bagi projek pembangunan; RM4 juta (5.2 peratus) pembayaran balik pinjaman bank dan RM5.2 juta (6.7 peratus) perbelanjaan peny enaraian.

Tawaran IPO Teladan Setia, katanya, membabitkan terbitan awam 161.1 juta saham baharu yang mewakili 20 peratus daripada modal sahamnya yang diperbesar bersama dengan tawaran jualan 40.8 juta saham sedia ada.

Katanya, terbitan awam 161.1 juta saham baharu terdiri daripada 40.3 juta saham baharu untuk orang awam dan 10.5 juta saham lagi diperuntukkan kepada pengarah, pekerja dan mereka yang menyumbang kepada kejayaan kumpulan.

“Selepas disenaraikan, Teladan Setia akan memiliki permodalan pasaran RM386.5 juta berdasarkan harga terbitan 48 sen dan modal sahamnya yang diperbesar sebanyak 805.3 juta saham.

“Kumpulan yakin peny enaraian ini membolehkan kami memperkuuhkan kedudukan

dalam industri dengan memperoleh akses ke pasaran modal yang boleh mendorong rancangan pengembangan kami,” katanya selepas pelancaran prospektus Teladan Setia secara maya, semalam.

Mengulas lanjut, Lay Ban berkata, kumpulan optimis terhadap prospek pertumbuhan syarikat berdasarkan industri harta tanah di Melaka dengan disokong oleh asas jangka panjang yang kukuh.

Beliau berkata, Teladan Setia juga dalam proses memperoleh enam bidang tanah berkeluasan 58.76 hektar pada harga RM39.4 juta di Melaka.

Tanah ini, katanya, bersama dengan pengambilalihan tanah yang dilaksanakan daripada dana IPO akan meningkatkan lagi simpanan tanahnya bagi pembangunan masa hadapan yang ia kini memiliki simpanan sekitar 29.9 hektar dengan kebanyakannya terletak di Melaka.

“Industri harta tanah akan kembali rancak berdasarkan pengenalan semula program Kempen Pemilikan Rumah (HOČ), persekitaran kadar faedah rendah serta perancangan



**Selepas
disenaraikan,
Teladan Setia akan
memiliki permodalan
pasaran RM386.5 juta
berdasarkan harga
terbitan 48 sen dan
modal sahamnya yang
diperbesar sebanyak
805.3 juta saham.**

**Richard Teo Lay Ban,
Pengarah Urusan Teladan Setia**

projek pembangunan yang menarik dan mengikut kehendak pembeli.

“Projek harta tanah kami juga yang sedang dalam pembelian dan bakal dibina turut memberikan impak kepada syarikat dengan anggaran GDV (nilai pembangunan kasar) masing-masing sebanyak RM623.0 juta dan RM995.2 juta,” katanya.



24 FEB, 2021

Teladan Setia jangka IPO jana RM77.3 juta

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Tawaran 161.1 juta saham bantu perkukuh kedudukan dalam industri hartanah

Teladan Setia Group Bhd (Teladan Setia), pemaju hartanah yang akan disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Malaysia) pada 16 Mac ini menyasar untuk meraih dana RM77.3 juta daripada tawaran awam permulaan (IPO). Jumlah berkenaan bakal dijana menerusi tawaran 161.1 juta saham dengan harga IPO pada 48 sen sesaham.